

Malaysia tetap mahu dalang dihukum

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata Malaysia masih kekal dengan pendirian mahu dalang menembak jatuh pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 dibawa ke muka pengadilan.

Perdana Menteri berkata, siasatan insiden itu yang diketuai Belanda perlu memberikan jawapan kukuh dan seterusnya membenarkan Malaysia mengambil tindakan setegas mungkin kepada pihak bertanggungjawab.

"Lima belas bulan sudah berlaku, namun komitmen kita untuk membawa pelaku ke muka pengadilan kekal teguh sama seperti

masa kejadian iaitu pada 17 Julai 2014, yang menyaksikan ratusan nyawa tidak berdosa terkorban.

Teruskan usaha

"Kita mesti meneruskan usaha memastikan pihak yang terbabit supaya bertanggungjawab ke atas tindakan pembunuhan ini," katanya menerusi Facebook, malam tadi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau sudah bercakap mengenai hasrat Malaysia yang mahu pelaku kejadian tembakan itu diadili kepada Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte; Perdana Menteri Australia, Malcolm Turnbull

dan Lembaga Keselamatan Belanda (DSB).

Katanya, rentetan kejadian berkenaan kini sudah dibuktikan oleh DSB dan ia memberi isyarat usaha membawa pelaku jenayah itu untuk diadili perlu diteruskan.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata dengan laporan DSB dan Pasukan Penyiasat Bersama (JIT), pihaknya kini lebih bersedia untuk mendapatkan keadilan demi mangsa MH17.

Katanya, Malaysia yang menjadi sebahagian daripada JIT, kekal mahu mengambil tindakan yang

boleh membawa kepada pendakwaan terhadap pelaku jenayah itu.

"Tribunal antarabangsa di bawah Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mungkin membatalkan hasrat kami dengan kuasa veto tetapi perjuangan mendapatkan keadilan masih belum berakhir.

"Malaysia bersama rakan dalam JIT iaitu Belanda, Australia, Belgium dan Ukraine akan berusaha mengadakan persefahaman mewujudkan mahkamah antarabangsa bebas supaya dapat melakukan pendakwaan terhadap dalang kejadian berkenaan," katanya.



Najib bercakap selama 20 minit bersama Rutte menerusi sidang video, semalam. [FOTO BERNAMA]


Kiri kokpit kena bedilan

BH
14/10/2015
ms 3

» Laporan akhir siasatan sah pesawat ditembak guna peluru berpandu

berpandu udara ke udara, hentaman meteor atau kerosakan pesawat sebagai punca insiden.

Joustra berkata, siasatan mendapati pesawat jenis B777-300ER milik syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) itu terbang secara normal sehingga masa kejadian iaitu ketika ia melintasi ruang udara timur Ukraine yang bergolak.



Oleh Hamizar Hamid, Syed Azwan Syed Ali, Hazwan Faisal Mohamad dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Laporan akhir siasatan MH17 mengesahkan pesawat itu ditembak jatuh menggunakan peluru berpandu darat ke udara BUK buatan Russia yang meledak di bahagian kiri atas kokpit pesawat.

Ledakan itu dikatakan menyebabkan bahagian kokpit dan tempat duduk kelas perniagaan terputus, sekali gus mengorbankan semua 298 krew dan penumpang di dalam pesawat malang itu.

Laporan Lembaga Keselamatan Belanda (DSB) yang mengambil masa selama 15 bulan untuk disiapkan itu turut mengesahkan peledak jenis 9N314M itu dilancarkan melalui sistem BUK dari kawasan 320 kilometer persegi di bahagian timur Ukraine, yang dikuasai pemisah pro-Russia.

Tanpa menjawab persoalan pihak mana yang bertanggungjawab, laporan dibentangkan Pengerusi DSB, Tjibbe Joustra di Pangkalan Tentera Udara Gilze-Rijen, Belanda, semalam turut mengeneipkan letupan bom, tembakan peluru



Ditembusi beratus objek berkuasa tinggi

“Pada jam 13.20 UTC (Waktu Universal Diselaras) peledak 9N314M dilancarkan dari sistem peluru berpandu darat ke udara BUK dari kawasan 320 kilometer persegi di bahagian timur Ukraine, meledak di bahagian kiri atas kokpit pesawat.

“Ledakan itu menyebabkan bahagian hadapan pesawat itu ditembusi beratus-ratus objek berkuasa tinggi dari peledak. Tiga anak kapal di dalam kokpit terbunuh serta merta dan pesawat itu berkecai di udara berikutan impak dan letupan berikutnya,” kata Joustra.



“Bangkai pesawat itu bertebaran di pelbagai tempat dalam jarak 50 kilometer persegi. Semua 298 penumpang dan anak kapal terkorban,” kata beliau dalam pembentangan laporan yang turut disiarkan secara langsung oleh media antarabangsa.

Pesawat MH17 yang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur ditembak jatuh pada ketinggian 33,000 kaki (10.1 kilometer) dan terhempas di kawasan bergolok di Donetsk, timur Ukraine, berhampiran sempadan Russia pada 17 Julai tahun lalu.

Laporan DSB mengesahkan punca nahas berdasarkan bebe-


Antara kandungan bahan dalam peluru berpandu Buk

Pelancar Bulk



3 bentuk fragmen dalam peledak peluru berpandu

Susunan 3 fragmen dalam bentuk 3 dimensi



rapa asas siasatan seperti sistem persenjataan digunakan dikenal pasti antara lain dengan mengkaji corak kemusnahan bangkai pesawat, serpihan dijumpai dalam bangkai pesawat dan mayat anak kapal selain cara bagaimana pesawat itu berkecai.

Laporan itu juga disokong melalui siasatan ke atas maklumat perakam data penerbangan (FDR)

dan perakam suara kokpit (CVR) merakamkan bunyi yang kuat pada saat-saat akhir insiden.

“Kesan cat pada serpihan peluru berpandu ditemui turut sepadan dengan peluru berpandu yang ditemui DSB di kawasan kejadian.

“Tiada senario lain kecuali peluru berpandu darat ke udara BUK boleh menjelaskan kombinasi fakta ini. Kawasan 320 kilometer

persegi di mana peluru berpandu dilancarkan pula ditentukan berdasarkan beberapa simulasi,” kata Joustra.

Beliau menegaskan siasatan forensik tambahan perlu dilakukan bagi menentukan lokasi tepat dari mana peluru berpandu itu dilancarkan, bagaimanapun siasatan seumpama itu berada di luar bidang kuasa DSB.